

Salah laku Remaja

Fenomena keruntuhan akhlak generasi baru *

Oleh AZARIYANTI BINTI KHALID

PERANAN budaya dalam kehidupan manusia bukan sekadar menghibur dan menglipur lara malah, budaya yang kuat dapat menjulang sesuatu bangsa ke puncak jaya. Menyedari segala macam kes salah laku remaja, maka kita perlu menjejak langkah bijak untuk mencari penyelesaian. Oleh itu, pembudayaan ilmu merupakan salah satu projek masyarakat yang perlu dihayati oleh semua golongan bagi menyelamatkan generasi baru daripada terus hanyut dalam lautan salah laku. Kebudayaan merupakan satu proses bagaimana kita menjadikan diri kira seorang daripada anggota masyarakat yang menghayati nilai-nilai tertentu.

Mengikut pendapat Doktor Wan Abdul Manan Wan Muda, Profesor Madya di Pusat Pengajian Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), terdapat empat faktor yang dapat memangkinkan pembudayaan iaitu pendidikan, agama, nilai-nilai sejagat, dan media. Menurutnya, seandainya pembudayaan ilmu ingin diwujudkan, reformasi pendidikan perlu dilaksanakan memandangkan ilmu merupakan senjata utama untuk mengukur kejayaan sesuatu masyarakat. Namun seperti kata seorang ahli falsafah, Voltaire, bahawa cerdik pandai (*genius*) yang hilang sifat sabarnya tidak akan kekal lama, begitulah juga masyarakat yang hanya berilmu tetapi tidak beragama. Oleh itu, agama merupakan satu faktor penting dalam mencapai tahap masyarakat unggul sekali gus menangani masalah salah laku sosial remaja.

Rakan sebaya yang rapat dengan remaja juga memainkan peranan penting dalam menangani masalah ini. Kerajaan seharusnya menubuhkan sebuah pasukan pembimbing rakan sebaya bagi memberi rangsangan positif kepada remaja. Pembimbing rakan sebaya dapat menasihati rakan-rakan remaja mereka dengan lebih berkesan berbanding pihak-pihak lain kerana mereka

sendiri terdiri daripada golongan yang sama. Tambahan pula, seseorang itu pastinya dapat menerima nasihat dengan lebih baik seandainya nasihat tersebut datang daripada mereka yang sebaya usianya.

Oleh sebab rakyat negara ini bukanlah terdiri daripada manusia tunggul kayu yang tidak bermata tetapi terdiri daripada manusia homo sapiens yang berfikir waras, pelbagai cara sebenarnya telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini daripada bertambah kronik. Dalam konteks pendidikan sendiri, reformasi pendidikan telah dilancarkan berdasarkan Laporan Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Semula Pelaksanaan Dasar Pendidikan (1979) yang sebenarnya diatur khas untuk membentuk disiplin di sekolah-sekolah pada tahun 1980-an. Memandangkan betapa pentingnya benteng dalaman bagi remaja, semua pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Masa persekolahan untuk pendidikan umum dilanjutkan dari sembilan ke sebelas tahun di samping hak memilih jurusan mengikut minat turut diberi kepada pelajar.

Sistem persijilan terbuka pula dapat mengurangkan tekanan psikologi pelajar yang menduduki peperiksaan. Melalui laporan tersebut juga, Pekeliling Pentadbiran Bil.3/67 diubahsuai. Hal ini mengurangkan sistem persekolahan dua sesi dan memberi peluang untuk guru berhubung baik dengan pelajar. Tempoh latihan perguruan turut dilanjutkan menjadi tiga tahun untuk memastikan guru benar-benar terlatih dan berminat terhadap profesion mereka. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang menjadi nadi utama sistem pendidikan perlu diperkemas untuk mendekatkan sekolah dengan masyarakat tempatan dan badan-badan kerajaan seperti pihak polis, jabatan Kebajikan Masyarakat, dan jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan untuk berganding bahu mengawal pengaruh luar yang tidak sihat terhadap pelajar. Selain itu, program kokurikulum disusun semula agar

mengutamakan aktiviti yang melibatkan lebih ramai pelajar supaya semangat kerjasama dan tolong-menolong dapat diselesaikan dalam diri mereka.

Selain pendidikan, terdapat juga pelbagai program lain yang diatur oleh pelbagai pihak untuk menangani masalah ini. Pihak polis negeri Selangor misalnya, telah menganjurkan Pameran Mencegah Jenayah dan Gejala Sosial di Alaf 2000 sebagai satu inisiatif mengurangkan statistik masalah sosial yang giat berlaku. Pihak polis juga turut menubuhkan Kelab Anti Jenayah (KAJ) yang terbuka kepada ahli pasukan polis kadet dan guru-guru bagi membantu polis memberi maklumat mengenai kegiatan salah laku remaja. Selain itu, program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD) yang bertujuan membimbing dan memberi pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah berbentuk ceramah, perkhemahan, dan lawatan turut diadakan. Perhatian khas tentang penyalahgunaan dadah di kalangan remaja turut diberikan oleh Jabatan Pendidikan Terengganu melalui program Sekolah Itu Mulia yang melibatkan aktiviti pencegahan, pemulihan, dan pengawalan.

Langkah mengatasi gejala sosial bukan sahaja diambil berat badan kerajaan malah pihak lain juga misalnya Institusi Kajian Dasar (IKD) dengan kerjasama Konrad Adenauer Stiftung, Jerman telah menganjurkan Kursus Kemahiran Kepimpinan bagi pemimpin belia pada 17 hingga 21 Oktober 1994 di Tanjung Bidara, Melaka. Langkah Kementerian Penerangan mengadakan peraturan dan larangan keras menyiarkan pelbagai rancangan berunsurkan seks dan keganasan memang merupakan langkah yang bijak bagi mengawal pengaruh terhadap remaja. Persatuan dan kelab yang ditubuhkan kerajaan turut memberi impak positif bagi remaja. Sebagai contoh, Kelab Rakan Muda yang menganjurkan aktiviti untuk Rakan Cinta Alam, Rakan Sukan, Rakan Rekreasi, dan pelbagai lagi dapat menarik perhatian remaja yang sememang-

nya berminat dengan aktiviti lasak yang dapat menguji kecergasan mental dan fizikal mereka. Aktiviti ini dapat menghalang mereka daripada terjerumus ke dalam jurang sosial. Di sinilah sekali lagi ibu bapa patut memainkan peranan mendorong anak-anak dengan menyediakan wang yuran dan menghantar anak-anak ke tempat aktiviti.

Pelbagai cara telah dilaksanakan termasuklah langkah kerajaan menggubal undang-undang yang khusus untuk remaja yang melakukan kesalahan juvana iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947. Akta ini merupakan undang-undang yang ulung untuk menangani masalah jenayah remaja. Seksyen 2 (1) Akta Mahkamah Juvana 1947 mentakrifkan remaja atau juvana sebagai seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggungan jenayah yang ditetapkan di bawah Seksyen 82 Kanun Keseksaan dan di bawah umur 18 tahun. Penggubalan undang-undang dan pengenalan akta untuk remaja ini dapat membantu mengurangkan masalah gejala sosial dengan memberi hukuman setimpal kepada mereka yang bersalah di samping memberi pengajaran kepada remaja lain. Tindakan meletakkan remaja bersalah ke sekolah budak-budak nakal seperti Sekolah Henry Gurney turut membolehkan remaja diberi perhatian khusus guru-guru dan kakitangan sekolah tersebut dan mengelakkan mereka mengulangi kesilapan mereka.

Setelah menggembleng tenaga, berusaha menangani masalah sosial remaja ini, berjayakah kita mewujudkan satu generasi pemimpin negara yang bukan sahaja berdaya maju malah beretika murni? Dapatkah kita membangun selaras dengan sebuah negara yang amat mengagumkan dunia iaitu negara Jepun, atau lebih maju dari itu? Di Jepun sendiri, kehidupan bertatertib dan beretika telah menjadi cara hidup rakyatnya sejak sekian lama. Istilah kamikaze dan harakiri merupakan semangat tradisi kebanyakan masyarakat Jepun untuk menunjukkan rasa tanggungjawab kepada diri dan negara. Semangat ini hanya boleh dicapai melalui satu proses pendisiplinan diri dengan menyusuri landasan peraturan dan adat kebiasaan hidup bangsa itu. Kejayaan orang Jepun menertibkan diri mereka menjadi sumber tidak ternilai bagi pemimpin kerajaan untuk membangunkan negara.

Kesimpulannya, fenomena salah laku dan kemerosotan disiplin remaja akan berterusan sekiranya pihak yang terlibat enggan berganding bahu untuk mengubah cacat cela remaja kini. Sikap dan perbuatan menyalahkan satu-satu pihak tidak dapat menyelesaikan sebarang masalah sebaliknya hanya menimbulkan persengketaan. Mudah-mudahan konsep Kesalahan Sifar bukan sahaja dapat direalisasikan di kalangan pelajar malah seluruh golongan remaja. Hal ini kerana golongan ini amat penting dalam menentukan masa depan negara. Peri penting remaja hari sebagai pemimpin masa depan sehingga bekas Presiden Indonesia yang pertama, Allahyarham Sukarno pernah mengungkap falsafahnya: "Beri aku 100 orang tua, aku akan mampu menggoncangkan Perahu Tertangkap tetapi beri aku 10 orang pemuda, nescaya aku mampu menggoncangkan dunia". Bukan sahaja Sukarno, malah semua pemimpin dunia pasti akan merasa bimbang jika remaja yang bakal memegang teraju negara hidup dalam keadaan primitif, tidak berarah bak kapal kehilangan layarnya.